

# Tiga muka baru perkukuh Umno Kelantan

BH 5 G. APR 2007

Oleh Azman  
Mahmood

KOTA BHARU, Khamis - Tiga jawatan tertinggi barisan kepimpinan Badan Perhubungan Umno Kelantan diisi muka baru berikutan penyusunan badan perhubungan itu.

Penyusunan bagi mengukuhkan Umno negeri membabitkan pelantikan tiga muka baru bagi jawatan Setiausaha Perhubungan, Setiausaha Kerja dan Ketua Penerangan.

Mereka yang terbabit ialah Ketua Umno bahagian Kubang Kerian, Tuan Hashim Tuan Yaacob yang dilantik sebagai Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri; Penolong Setiausaha Kerja, Nik Mahyiddin Nik Mustapha sebagai Se-

tiausaha Kerja dan Ketua Umno Bahagian Machang, Datuk Ismail Mamat sebagai Ketua Penerangan.

Sebelum ini, iawatan Setiausaha Perhubungan dipegang Datuk Ahmad Rusli Iberahim; Setiausaha Kerja oleh Nawawi Yaacob dan Ketua Penerangan, Mohd Noor Deris.

Difahamkan, pelantikan ketiga-tiga jawatan itu berkuat kuasa 1 Mei ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, ketika mengesahkan perkara itu berkata, pelantikan itu berikutan kesediaan penyandang jawatan berkenaan berundur.

Bagaimanapun, katanya, kedudukan jawatan Timbalan Pengerusi Perhubungan yang disandang Datuk Annuar Musa; Benda-

hari oleh Datuk Dr Nik Husin Abdul Rahman dan Timbalan Ketua Penerangan yang dipegang Mohd Alwi Che Ahmad serta anggota badan perhubungan lain dikekalkan.

"Mereka menemui saya dan menyatakan hasrat melepaskan jawatan dan berikutan itu, kita menyusun semula organisasi menerusi tiga pelantikan baru," katanya selepas majlis dialog dengan guru di kediaman Timbalan Pengarah Pendidikan negeri, Mohd Din Ismail, di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, semua yang terbabit dengan penyusunan itu sudah dimaklumkan.

Ditanya sama ada mesyuarat Badan Perhubu-

ngan Umno negeri akan diadakan dalam masa terdekat, beliau berkata ia tidak perlu kerana mesyuarat baru diadakan bersama Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke Kelantan, 12 April lalu.

Mustapa berkata, perubahan itu selaras hasrat pemimpin Umno di negeri itu Kelantan yang mahu parti dimantapkan, di samping mengukuhkan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahmad Rusli, Nawawi dan Mohd Noor atas khidmat mereka dalam Badan Perhubungan selama ini dan yang baru dilantik pula diharap memberi komitmen tertinggi kepada parti," katanya.